

# MODUL PINTAS TINGKATAN LIMA

2 JAM

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

NO. KAD PENGENALAN

							-			-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--

NAMA : .....

TINGKATAN : .....

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

**Bahagian A**  
**[30 markah]**  
*Soalan ini mesti dijawab.*

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan perpaduan dalam aktiviti kokurikulum.

Berdasarkan maklumat tersebut,uraikan pendapat anda tentang **perpaduan dalam aktiviti kokurikulum.**

Panjangnyauraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed berkata, “Semangat perpaduan dapat diperkuat apabila murid berbilang kaum bekerja bersama-sama untuk menjayakan sesuatu program atau kegiatan kokurikulum. Selain itu, pelaksanaan program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) juga amat membantu usaha ini,” ucapnya.

Sumber: <https://news.usm.my>



**Bahagian B**

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

1

Ibu bapa merupakan agen terpenting dalam pembentukan keperibadian remaja. Namun begitu, kebanyakan ibu bapa gagal menjadikan diri mereka sebagai tempat untuk remaja berkongsi cerita dan masalah. Ibu bapa seharusnya mengambil berat emosi anak-anak. Ibu bapa juga perlu memahami kelakuan anak-anak kerana mereka amat memerlukan bimbingan sewaktu menjalani kehidupan sehari-hari.

Sumber: *Dewan Siswa*, Bil.6, 2018

Sebagai respons kepada petikan di atas, huraikan cara-cara ibu bapa untuk membentuk sahsiah anak-anak.

2

Pengerusi Pertubuhan Gerak Tani, Datuk Mazlan Aliman memaklumkan bahawa penglibatan generasi muda dalam sektor pertanian dilihat masih rendah dan tidak mencapai 15 peratus kerana mereka masih beranggapan bahawa pertanian ialah kerja yang memerlukan dan berpendapatan kecil sebagaimana yang ditanam dalam pemikiran sejak peringkat sekolah. Katanya, petani moden sebenarnya perlu menggunakan teknologi tinggi untuk memudahkan kerja-kerja dalam sektor pertanian.

Sumber: *Utusan Malaysia*, 10 November 2020

Bincangkan usaha yang terdapat dalam petikan dan usaha-usaha lain untuk meningkatkan penglibatan generasi muda dalam bidang ini.

- 3 Makanan tradisional di Malaysia menjadi satu identiti dan keunikan yang tidak terdapat di negara lain. Namun begitu, makanan tradisional semakin kurang diminati oleh masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka lebih gemar akan makanan seperti kimchi, susyi dan spaghetti. Selain itu, ibu bapa jarang-jarang menyajikan makanan tradisional kepada anak-anak di rumah. Bukan itu sahaja, kurangnya iklan tentang makanan tradisional turut menjadi penyumbang kepada masalah ini.

Sumber: Internet

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan faktor-faktor berlakunya masalah ini.

- 4 Setiap peribahasa mempunyai maksud yang tertentu dan menampilkkan pengajaran secara tersirat untuk diikuti oleh masyarakat. Malangnya, peribahasa Melayu kerap diabaikan oleh masyarakat pada zaman ini padahal peribahasa dapat dijadikan panduan kepada ibu bapa untuk mendidik anak-anak supaya berperibadi mulia. Bukan itu sahaja, peribahasa turut berfungsi untuk mewujudkan hubungan yang erat sesama masyarakat.

Sumber: Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5

Berdasarkan petikan di atas, ulas kepentingan-kepentingan peribahasa dalam kehidupan bermasyarakat.

#### KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT